

Mesej Lapan

**Jalan untuk Menerima, Mengalami, dan Menikmati Kristus Almuhit
sebagai Roh Beri-hayat yang Almuhit—
Agregat bagi Berkat yang Merangkumi Segala-gala
dalam Injil Penuh Tuhan**

Bacaan Bible: Gal. 1:15a, 16a; 2:20; 4:19; 3:14

- I. Buku Galatia mewahikan bahawa rancangan Tuhan menurut kegirangan-Nya adalah untuk menggarapkan Kristus sendiri ke dalam kita; menurut Galatia, perkara yang paling jahat ialah menyelewengkan orang daripada Kristus—Ef. 1:5; Gal. 1:4-17; 2:20; 4:19; *Kidung*, #399.**
- II. Buku Galatia mempersebahkan Kristus yang merupakan benih tiga aspek dalam keinsanan, supaya Tuhan dapat mendispenkan diri-Nya ke dalam percayawan Kristus demi penggenapan ekonomi-Nya—3:16; Kej. 3:15; Gal. 4:4; Luk. 8:5a, 11; Yoh. 12:24:**
 - A. Kristus sebagai benih perempuan merujuk kepada Kristus yang berinkarnasi, yakni Tuhan yang lengkap menjadi manusia yang sempurna dengan mendispenkan diri-Nya ke dalam keinsanan, untuk menghapuskan Syaitan dan menyelamatkan percayawan dalam Kristus daripada dosa dan maut—Kej. 3:15; Yes. 7:14; Mat. 1:16, 20-21, 23; Gal. 4:4; Yoh. 1:1, 14; Ibr. 2:14; 1 Kor. 15:53-57.
 - B. Kristus sebagai benih Abraham adalah untuk menjadi berkat kepada semua kaum keluarga di bumi; benih Abraham yang tunggal, sebagai Adam terakhir, telah menjadi Roh beri-hayat, iaitu berkat Abraham (realiti tanah permai), untuk mendispenkan diri-Nya ke dalam percayawan Kristus bagi menjadikan mereka benih Abraham yang korporat—Kej. 12:2-3, 7; 17:7-8; Gal. 3:14, 16, 29; Yoh. 14:17-20; 1 Kor. 15:45b; Yoh. 12:24; Yes. 53:10.
 - C. Kristus sebagai benih Daud merujuk kepada Kristus yang bangkit, yang melaksanakan ekonomi Wasiat Baru Tuhan untuk mendispenkan Tuhan Tritunggal yang terproses ke dalam anggota-anggota Tubuh-Nya supaya mereka berbahagian dalam kemaharajaan-Nya dalam kebangkitan-Nya dalam kingdom abadi—2 Sam. 7:12-14a; Mat. 22:42-45; Roma 1:3; Wahi 22:16; Kis. 2:30-31; Mat. 16:16-18; Wahi 20:4, 6:
 1. Gunung besar, yakni kingdom Tuhan yang memenuhi seluruh bumi dalam Daniel 2:34-35, ialah benih korporat tiga aspek dalam keinsanan, yang termasuk semua percayawan dalam Kristus—bd. Mrk. 4:26.
 2. Menerusi Kristus sebagai benih tiga aspek dalam keinsanan, musuh-musuh telah lenyap, berkat ada di sini, dan kita berada dalam kingdom; inilah wahi seluruh Bible.
- III. Buku Galatia mewahikan jalan untuk menerima, mengalami, dan menikmati Kristus almuhit sebagai Roh beri-hayat yang almuhit—agregat bagi berkat yang merangkumi segala-gala dalam injil penuh Tuhan—3:14:**
 - A. Jalan untuk menerima, mengalami, dan menikmati Kristus almuhit sebagai Roh beri-hayat yang almuhit adalah dengan Tuhan mewahikan Kristus dalam kita; kita menjalani kehidupan orang Kristian menurut Kristus yang telah kita lihat —1:16a; Ef. 1:17; Kej. 13:14-18; Ef. 3:8, 19:
 1. Tidak ada apa-apa yang lebih berkenan pada Tuhan daripada Anak Tuhan persona yang hidup itu disingkapkan dan diwahikan dalam kita—Gal. 1:15a, 16a; 2 Kor. 3:14-17; 4:3-6.
 2. Semakin banyak wahi dalaman dan subjektif yang kita terima tentang Anak Tuhan, semakin Dia akan hidup dalam kita; semakin Dia hidup dalam kita,

Mesej Lapan (sambungan)

semakin Dia akan menjadi berkat Abraham kepada kita, iaitu berkat Roh beri-hayat yang almuhit, realiti bagi tanah yang serba merangkumi—Gal. 2:20; 3:14.

3. Jika kita membuang konsep kita, memalingkan hati kita kepada Tuan, memberikan perhatian kepada roh, dan meluangkan masa dalam Sabda dalam roh dan suasana doa, Kristus akan diwahikan dalam kita, hidup dalam kita, dan terbentuk dalam kita—1:15a, 16a; 2:20; 4:19:
 - a. Kita harus membuang konsep kita; setiap konsep, sama ada bersifat rohani atau daging, merupakan selubung; wahi dalaman ini berada dalam roh kita menerusi minda kita yang dicahayai—2 Kor. 3:14-15; 4:4; Ef. 1:17-18; Luk. 24:45.
 - b. Kita harus memalingkan hati kita kepada Tuan; semakin banyak kita memalingkan hati kita kepada Tuan, semakin kuranglah ruang yang dipunyai tuhan zaman ini dalam kehidupan kita dan seluruh diri kita, dan kita akan berada di bawah penyinaran cahaya syurgawi untuk menerima wahi dalaman tentang persona yang hidup ini—2 Kor. 3:16, 18.
 - c. Kita harus menjaga dan memberikan perhatian kepada roh kita; dalam roh kita, Roh itu bersinar, mewahikan Kristus dalam kita dan berbicara kepada kita berkenaan Kristus—Ef. 1:17; 3:5; bd. Wahi 1:10; 2:7.
 - d. Kita harus mendoa-baca Sabda—Ef. 6:17-18.
 4. Kita perlu penuh dengan wahi tentang Anak Tuhan dan dengan itu menjadi ciptaan baru yang mempunyai Kristus sebagai Roh almuhit itu hidup dalam kita, terbentuk dalam kita, dan yang kita nikmati secara berterusan—Gal. 6:14-15.
- B. Jalan untuk menerima, mengalami, dan menikmati Kristus almuhit sebagai Roh beri-hayat yang almuhit adalah dengan kita menerima Kristus berdasarkan pendengaran kepercayaan—Gal. 3:2:
1. Iktikad (kepercayaan) percayawan ialah Kristus masuk ke dalam mereka untuk menjadi iktikad mereka, menjadikan roh mereka roh iktikad—Ibr. 12:2a; Gal. 2:16; Roma 3:22; 2 Kor. 4:13.
 2. Iktikad timbul daripada pendengaran sabda—Roma 10:17.
 3. Iktikad bererti percaya bahawa Tuhan adalah dan kita bukan; iktikad sentiasa memansuhkan kita dan mewahikan Kristus kepada kita—Ibr. 11:6; Kej. 5:24; Yoh. 8:58; Gal. 2:20.
 4. Percayawan ialah anggota-anggota dalam keluarga kepercayaan; keluarga kepercayaan ini merupakan keluarga yang percaya kepada Tuhan menerusi sabda-Nya—6:10.
- C. Jalan untuk menerima, mengalami, dan menikmati Kristus almuhit sebagai Roh beri-hayat yang almuhit adalah dengan dilahirkan menurut Roh dan menerima Roh Anak Tuhan ke dalam hati kita—4:29b, 6.
- D. Jalan untuk menerima, mengalami, dan menikmati Kristus almuhit sebagai Roh beri-hayat yang almuhit adalah dengan memakai Kristus menerusi baptisan yang meletakkan kita ke dalam Kristus—3:27.
- E. Jalan untuk menerima, mengalami, dan menikmati Kristus almuhit sebagai Roh beri-hayat yang almuhit adalah dengan disepadukan dengan-Nya dalam kematian-Nya supaya bukan lagi kita yang hidup tetapi Dia yang hidup dalam kita; dan hayat yang kini kita hidup dalam tubuh, kita hidup dalam iktikad Kristus—2:20:
 1. Disepadukan dengan Kristus bermakna menjadi satu roh dengan-Nya, malah menjadi satu entiti dengan-Nya—1 Kor. 15:45b; 6:17; Flp. 1:20-21a.

Mesej Lapan (sambungan)

2. Kita disepadukan dengan Kristus dalam kematian-Nya supaya bukan lagi kita yang hidup tetapi Kristus yang hidup dalam kita—Roma 6:3-4; Gal. 2:20.
 3. Hayat yang kita hidup ini kita hidup dalam Kristus yang merupakan iktikad kita; iktikad sejati ialah Kristus sendiri diinfusikan ke dalam kita lalu menjadi penghargaan kita terhadap-Nya, sebagai reaksi kita kepada tarikan-Nya—ay. 20b; 2 Kor. 5:14-15; Ibr. 12:2a.
- F. Jalan untuk menerima, mengalami, dan menikmati Kristus almuhit sebagai Roh beri-hayat yang almuhit adalah dengan hidup melalui Roh dan bergerak-hidup melalui Roh—Gal. 5:16, 25.
- G. Jalan untuk menerima, mengalami, dan menikmati Kristus almuhit sebagai Roh beri-hayat yang almuhit adalah dengan mempunyai Kristus terbentuk dalam kita menerusi penderitaan sakit bersalin—4:19.
- H. Jalan untuk menerima, mengalami, dan menikmati Kristus almuhit sebagai Roh beri-hayat yang almuhit adalah dengan menyemai bagi Roh itu dengan beramatlamatkan hasrat dan tujuan Roh itu untuk menyempurnakan hasrat Roh itu—6:7-8.
- I. Jalan untuk menerima, mengalami, dan menikmati Kristus almuhit sebagai Roh beri-hayat yang almuhit adalah dengan bermegah dalam salib Kristus dan berhidupkan ciptaan baru—ay. 14-15.
- J. Jalan untuk menerima, mengalami, dan menikmati Kristus almuhit sebagai Roh beri-hayat yang almuhit adalah melalui kurnia Tuan Yesus Kristus menyertai roh kita—ay. 17-18.